

23/11/1999

Peluang terakhir untuk bersara

GEORGETOWN, Isnin - Kecenderungan pengundi di Pulau Pinang memilih Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang untuk kerusi Parlimen yang ditandinginya seperti yang berlaku dalam beberapa pilihan raya lalu, dijangka berubah pada pilihan raya kali ini.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kecenderungan itu mungkin benar dalam beberapa pilihan raya lalu, tetapi mungkin tidak kali ini.

Menurutnya, pengundi akan dapat menilai sendiri peranan yang dimainkan Kit Siang selepas 30 tahun menjadi Ahli Parlimen.

"Prestasi Kit Siang dahulu ketika di era kepimpinan beliau sekitar 1970-an dan 1980-an jauh berbeza sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kit Siang seperti `gramafon' (peti nyanyi) lama sudah tidak lantang lagi, malah kebanyakan kenyataannya mengelirukan dan tidak lagi tajam seperti dulu," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat Gerakan negeri di Jalan Maclister, di sini, hari ini.

Koh berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan Kit Siang akan menang bagi kerusi Parlimen Bukit Bendera dan tidak bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti yang berlaku pada pilihan raya lalu.

Setakat ini Kit Siang sudah bertanding di empat kawasan Parlimen termasuk Kota Melaka, Petaling, Tanjung dan kini Bukit Bendera.

Bagaimanapun, pada pilihan raya 1995 bagi kawasan DUN Tanjung Bungah, beliau tewas kepada Koh, tetapi menang bagi Parlimen Tanjung.

Sehubungan itu, Koh meminta pengundi di Bukit Bendera untuk memberi peluang terakhir kepada Kit Siang untuk `bersara' dalam pilihan raya kali ini.

"Dia patut undur diri kerana sudah terkena `sindrom berkhidmat terlalu lama' dan patut diganti calon lebih sesuai yang dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat," katanya.

Koh berkata, beliau juga ada menerima rungutan daripada pengundi mengenai Kit Siang yang tidak dapat menjelaskan pendiriannya dan mengeluarkan kenyataan mengelirukan berhubungannya dengan Pas.

"Kit Siang juga seakan bingung menghadapi masyarakat Cina dan ahli DAP bukan Islam berhubung soal kerjasamanya dengan Pas bagi menubuhkan negara Islam.

"Ini kawasan keempat dia (Kit Siang) bertanding di kawasan Parlimen, dia takut kepada projek `Tanjung 4' akan berakhir di kawasan keempat (Bukit Bendera)," katanya yang sebelum ini pernah menyifatkan tindakan Kit Siang yang sering melompat kawasan Parlimen sebagai `maha katak'.

Ditanya sama ada peluangnya untuk menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang akan terjejas jika Gerakan tidak menunjukkan pencapaian memberangsangkan pada pilihan raya kali ini, Koh berkata, yang penting bagi beliau adalah untuk memastikan kemenangan setiap calon BN yang bertanding.

"Perdana Menteri sudah mengulas mengenainya (kedudukan Ketua Menteri). Saya tidak mahu memperbesar-besarkannya kerana ketika ini yang lebih penting ialah memastikan kemenangan dua pertiga kerusi DUN negeri," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerusi Ketua Menteri akan tetap disandang pemimpin Gerakan, walaupun jika parti itu tidak menunjukkan keputusan memberangsangkan pada pilihan raya, 29 November ini.

(END)

